



**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
**KENYATAAN AKHBAR MENGENAI**  
**PERUBAHAN KADAR CUKAI EKSAIS KERETA**

Kementerian Kewangan sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi perubahan kepada kadar cukai eksais kenderaan melalui pindaan ke atas Perintah Eksais, 2006 yang akan berkuatkuasa mulai **1 April 2011**.

2. Pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat dan penduduk di Negara ini mengenai kesan penggunaan kenderaan kepada penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar di Negara ini. Disamping itu, cadangan perubahan kadar cukai eksais ini juga diharap akan turut mencapai matlamat-matlamat berikut:

- 2.1 Mengawal penggunaan dan pengimpotan kenderaan-kenderaan yang menggunakan bahan bakar yang tinggi dan memberi kesan negatif kepada alam sekitar;
- 2.2 Mengurangkan kos pemilikan kenderaan bagi membantu mengawal peningkatan kadar kos saraan hidup (*cost of living*) di Negara ini; dan
- 2.3 Bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pengangkutan awam di Negara ini dengan memberikan insentif tertentu kepada pengusaha-pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam.

3. Dengan ini, kadar Duti Eksais kenderaan dipinda seperti berikut:

- 3.1 Bagi kadar Duti Eksais bagi semua jenis kenderaan diubah dan dikenakan pada kadar-kadar seperti berikut:



<i>Jenis kereta (mengikut cc)</i>	<i>Kadar ketika ini</i>	<i>kadar baru</i>
1700 dan kebawah	20% untuk semua jenis kereta	15%
1701 hingga 2500		20%
2501 hingga 3000		25%
3001 hingga 3500		30%
3501 ke atas		35%

- 3.2 Selain cukai eksais di perenggan 3.1 di atas, bagi kenderaan-kenderaan yang menggunakan minyak diesel, cukai eksais tambahan sebanyak 5% akan juga dikenakan setelah perkiraan cukai eksais di perenggan 3.1 di atas dibuat;
- 3.3 Bagi menggalakkan lebih banyak penggunaan kereta jenis hybrid yang dapat membantu dalam meningkatkan penjimatan penggunaan minyak kereta secara lebih efisien dan bersih, kadar cukai bagi semua jenis kereta hybrid akan dikurangkan sebanyak 5% selepas perkiraan-perkiraan dibuat ke atas cukai-cukai eksais yang dikenakan di perenggan 3.1 dan 3.2 di atas;
- 3.4 Bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pengangkutan awam di Negara ini, cukai eksais bagi bas atau kenderaan (yang memuatkan tidak kurang dari 9 penumpang), akan diturunkan kepada 15% berbanding 20% yang dikenakan pada masa ini. Walaubagaimanapun cukai eksais bagi kenderaan berat lain seperti lori, tanker dan sebagainya, akan dikekalkan pada kadar 20%;
- 3.5 Bagi kenderaan-kenderaan yang digunakan sebagai kereta sewa atau teksi, atau van yang dapat memuatkan penumpang tidak melebihi 9 orang, cukai eksais yang dikenakan adalah sama seperti kenderaan persendirian seperti di perenggan 3.1 hingga 3.3 di atas.
- 3.6 Bagi kenderaan-kenderaan baru yang terlibat dalam pengurangan cukai eksais di atas, dan didaftarkan selepas tarikh perubahan kadar cukai eksais ini berkuatkuasa, pihak penjual kenderaan berkenaan bolehlah memohon bagi bayaran balik cukai eksais yang telah dibayar bagi diselaraskan dengan kadar cukai eksais yang baru.



4. Adalah diharapkan dengan perubahan kadar cukai eksais kenderaan di atas, rakyat dan penduduk Negara ini akan lebih mengambil berat mengenai perlunya bersama-sama bekerjasama dan meningkatkan kesedaran dalam pemeliharaan alam sekitar. Dengan adanya sikap dan kesedaran tersebut, InsyaAllah, ianya akan dapat membantu ke arah pembangunan Negara yang seimbang dan "sustainable".

Sekian.

Kementerian Kewangan  
Rujukan: KKW/MKII/26  
Tarikh: 17hb Mac 2011